

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

## Health D-G: Cases expected to peak mid-April

By JOSEPH KAOS Jr  
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry is bracing itself for the possibility of Covid-19 cases peaking in mid-April, as projected by the World Health Organisation (WHO).

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry is on the same page with WHO on this prediction and has taken measures to mitigate against it.

"What WHO said is exactly what

we predicted as well. We know we have citizens coming back home from overseas, and we fear that we would see an increase in imported cases.

"That is why we implemented the movement control order (MCO). With this, we are able to trace cases, especially at hotspots, earlier.

"By identifying cases earlier, we can isolate them earlier too.

"That is why these coming two weeks are crucial. If we play our roles by staying at home, constantly washing our hands, and practising

social distancing, hopefully we can flatten the curve," said Dr Noor Hisham at the ministry's daily Covid-19 briefing here yesterday.

On Thursday, Malaysia recorded 208 new cases, bringing the total to 3,116. This represents the second highest daily jump after March 26's 235 cases.

The Covid-19 death toll reached 50 yesterday, after Dr Noor Hisham announced five more fatalities.

However, the country also saw its highest number of recoveries in a day yesterday, with 122

patients discharged.

Dr Noor Hisham added that another preventive measure that takes effect today is the mandatory 14-day quarantine at an approved quarantine centre for all those entering Malaysia, including citizens.

"All of those arriving in the country will have to be kept at quarantine centres. We have also identified hotels where they can be quarantined as well.

"The reason we do this is because we find that some 15% of people who were asked to undergo home

quarantine do not obey the quarantine order," he said.

Dr Noor Hisham pointed out that China continues to enforce quarantine instructions on their citizens who return to their country.

"So we, too, must ensure that our returning citizens are screened upon arrival and be quarantined," he said.

Watch the video  
[thestartv.com](https://www.thestartv.com)



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

## 208 new cases of Covid-19, 5 more deaths

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry yesterday reported five new deaths from Covid-19.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the death toll in Malaysia stood at 50, or 1.6 per cent of the total number of cases.

He also said 208 new Covid-19 cases were reported yesterday, bringing the tally of infections to 3,116.

"Of the cases undergoing treatment in hospital, 105 are in Intensive Care Units, with 54 of them requiring breathing assistance," he told a press conference here yesterday.

He also said another 122 patients had recovered and were discharged from hospitals yesterday. To date, 767 cases, or 24.6 per cent of the total, have recovered.

The five new cases, Dr Noor Hisham said, involved Malaysian men.

He said three of them had underlying health issues, such as diabetes, heart problems, gout, high blood pressure and low immunity, among others.

In an effort to reduce congestion in clinics during the outbreak, Dr Noor Hisham said the Health Ministry was collaborating with four companies to

introduce an online appointment system.

The four companies are QueueMed, Encore Med, BookDoc and DoctorOnCall.

"This is to avoid having too many people gathering at one place since we are supposed to practise social distancing.

"The system will be carried out in phases, starting with four health clinics in Putrajaya's Presint 9, 11, 14 and 18.

"After that, the service will be expanded to include health clinics in Kuala Lumpur and Selangor."

On whether there was a need to extend the Movement Control Order (MCO), he said this would depend on the level of improvement of Covid-19 cases in the country.

He said the ministry was expecting the second phase of the MCO to end on the scheduled date of April 14, but it was too early to make any confirmation.

"On the 10th (of April), a few days before (the MCO) ends, we will look at our performance.

"Although I said yesterday (Wednesday) that we have seen early signs of improvements, it is too early to come to any conclusion."

Dr Noor Hisham explained the

need to flatten the Covid-19 curve, saying that it was crucial to do so in the next two weeks as the World Health Organisation predicted that the number of infections in Malaysia could worsen by the middle of this month.

"The reason to flatten the curve is not to have zero Covid-19 infection, but to allow hospitals to cope with the exponential spike in cases."

He said among the main concerns was the imported cases involving Malaysians returning from abroad.

"We have a small cluster from those coming back from overseas, while the (Masjid Jamek Sri Petaling) tabligh cluster makes up about 40 per cent."

Masjid Jamek Sri Petaling in Kuala Lumpur became Southeast Asia's Covid-19 hotspot following a massive religious gathering there last month.

Dr Noor Hisham said 18,826 participants in the tabligh event had been screened, and of this figure, 1,407 tested positive, 10,000 negative, and 3,173 were pending. About 3,400 participants in the event had yet to be tested.

"Our prediction is perhaps, within this crucial two-week pe-

riod, if all of us can come together and make sure we play our role by staying at home, practising social distancing and washing our hands, we could flatten the curve by the end of the first week (of this month)," said Dr Noor Hisham.

He said about 80 per cent of Malaysians who tested positive for Covid-19 showed either mild symptoms or none at all.

"We know that 80 per cent are asymptomatic or exhibit mild symptoms.

"The other 20 per cent need more attention as they either belong in the moderate cases or the critical cases of around five to 10 per cent."

He said although the WHO had recommended that the ministry only screen those with symptoms, Malaysia decided to also test those who had come in close contact with Covid-19 positive cases.

He said the Covid-19 deaths among the younger age group involved those who sought medical attention too late.

"We have cases (of Covid-19 deaths) involving young patients, like the one aged 34, and the youngest was 27.

"But (this was because) they

came (to the hospital) at a very late stage.

"They came when they were already in the third or fourth stage (of Covid-19 infection), where they had pneumonia and needed breathing assistance."

Previously, Dr Noor Hisham said there were five stages of Covid-19 infection.

In the first stage, patients usually test positive, but do not show any symptoms.

The second stage is when a patient tests positive, but only showed mild symptoms.

In the third stage, patients will start developing some form of pneumonia, while those in the fourth stage will start having breathing difficulties and need oxygen support.

As for the fifth stage, it involves patients who can no longer breathe on their own and have to be intubated and put on ventilators.

"There are many deaths involving those who have diabetes, hypertension and low immunity.

"This made up about 67 per cent of the total number of deaths," he said, adding that the other high-risk group involved those from the senior age group.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4 & 5
RUANGAN : NATION/NEWS

RAY OF HOPE

MCO BEARING FRUIT, SAY EPIDEMIOLOGISTS

New cases appear to be plateauing, but experts caution people against being too optimistic

VEENA BABUL KUALA LUMPUR news@nst.com.my

EPIDEMIOLOGISTS say Malaysia's sacrifices in the first two weeks of the Movement Control Order (MCO) have borne fruit.

Now, a ray of hope is discernible through the plateauing trend of new Covid-19 cases, which has been somewhat consistent since March 27.

But experts have cautioned Malaysians against getting carried away by the numbers as it remains very much in the red zone.

Epidemiology and biostatistics expert Dr Malina Osman said the MCO had halted further infections in the community.

"This is proven by the new cases showing a somewhat plateauing trend. We hope the numbers

will further decrease by April 14. If this is sustained, the new cases are expected to hover between 50 and 150 cases a day."

On Thursday, the World Health Organisation (WHO) said Covid-19 cases in Malaysia were expected to peak in the middle of this month, with the number of critically ill patients expected to also peak in that week.

It was reported that there were signs the infection curve for Malaysia was flattening. Malaysia is the worst-hit country in South-east Asia, with 3,116 cases.

Dr Malina said the MCO compliance rate should be at 98 per cent or above, with leeway given only to those in critical sectors.


"This is because of the insidious nature of the disease. There are those who are positive, but are asymptomatic."

"There are also those who went overseas during the recent school holidays (and have returned), as well as those from the tabligh gathering who have yet to come forward."

"A number of these people may show no symptoms, but they may have already transmitted the virus to surrounding (close contact) groups."



A sign saying 'Stay Home' is hung on the grille of a balcony at Menara City One in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY AIZUDDIN SAAD



Earlier, Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said more than 5,000 attendees at the tabligh gathering at the Seri Petaling Mosque in

Kuala Lumpur had yet to undergo Covid-19 screening.

He said up to five generations of transmissions had been traced to the gathering, which was reportedly attended by 16,000 people.

Dr Malina said the MCO was crucial to pursue contact tracing, discover new clusters and weed out cases of people who returned from abroad, adding that it would also reduce the risk faced by healthcare workers from asymptomatic carriers.

Dr Malina, a Universiti Putra Malaysia professor, cautioned Malaysians against being complacent with the situation and suggested that the MCO should be extended beyond April 14.

She said the MCO could be extended by four to six weeks or two to three months in the worst-case scenario as Ramadan and Hari Raya were approaching.

"Up to Wednesday, we still have more than 2,000 active cases being treated in hospitals, with almost 100 of them in the Intensive Care Unit. And we are still waiting for the results of more than 7,000 cases."

"Identifying new cases requires an incubation of about 14 days. A person who is already infected

can create new clusters of infection during this period," she said, adding that the number of cases at this point did not necessarily give a full picture of the situation.

She said extending the MCO would buy time for new cases to be identified and for contact tracing to be done to prevent new infection clusters.

She said during this period, social gatherings, which had been cited as one of the main reasons Malaysia's rates were staggering, should be stopped.

She advised Malaysians to take a page from the people in Japan and South Korea who managed to curb the Covid-19 outbreak by practising strict social distancing.

"As the virus is still present in the environment, clusters of new cases are like time bombs waiting to explode."

"European countries like Italy, Spain and the United Kingdom did not respond to WHO when it sounded the global emergency alarm on Jan 30."

"They still gathered in big numbers, with huge crowds at football matches and went about their daily lives casually. As such, they suffered the most rapid increases in new cases."

She said Malaysians should be committed to the MCO and observe social distancing during Ramadan and Hari Raya.

"The priority for Malaysians now is to have no new cases and be free of new infection clusters for 14 consecutive days."

"Most likely there will be no balik kampung for Hari Raya this year," Dr Malina said, drawing on decisions already made by some states that there would be no Ramadan bazaars this year.

"For Muslims, we have to accept and prepare for Ramadan without going to mosques (for Terawih prayers). Malaysians should prepare for the possibility of a very modest Hari Raya."

Epidemiologist, Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud said it was too early to talk about how the outbreak situation would develop by Hari Raya.

"I am against traditional Ramadan bazaars (in light of the Covid-19 outbreak), simply because it will undo all the social distancing work we have been doing for the past two weeks."

"I also think balik kampung is not advisable in the current situation, as new cases can immediately flare up when the virus is brought back to the kampung."

He cautioned people against complacency and overconfidence, as Malaysia was only in day 16 of the MCO.

He said epidemiologists were trying to determine whether the positive signs in the trend of new cases could be sustained.

Dr Awang Bulgiba, a professor from Universiti Malaya, said he agreed with the opinion that there was a growing and substantial number of pending tests.


On the MCO compliance rate, he said it should be at 99 per cent or higher.

"If even one per cent of our population of 32 million people does not comply with the order, it means there is an additional 300,000 people compounding the effects of the transmission."

He said because of this, he advocated for the MCO to be enforced for six weeks.

"We may see some effect after the fourth week, but to see any sustained effect, we need six weeks. It is not just the number of positive cases that needs to be reduced, but also the reproduction number."

"If the reproduction number drops below one, we know the epidemic is dying out. Of course, to accurately compute this reproduction number, we need accurate data."



MIER CURRENT STATE OF THE COVID-19 PANDEMIC Malaysian Institute of Economic Research March 31, 2020

Sources: The Health Ministry Daily Reports on COVID-19 (23.01.2020 - 31.03.2020)

INFOGRAPHIC NST

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

## KKM selari dengan ramalan WHO

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai unjuran yang selari dengan ramalan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menjangkakan Malaysia akan mencapai kemuncak kes positif koronavirus (Covid-19) pada pertengahan bulan ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kemuncak kes tersebut dijangka berlaku disebabkan kes import.

"Inilah yang kami ramalkan juga, lebih-lebih lagi kerana kami sedar kes import berlaku disebabkan ramai rakyat Malaysia pulang dari luar negara," katanya.

Disebabkan jangkaan tersebut, katanya, kerajaan mengambil langkah terus melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Dengan melaksanakan PKP, kita secara aktif dapat terus mengesan, menguji dan mengasingkan mereka terutama di kawasan titik panas," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Dr Noor Hisham bagaimanapun berkata, jangkaan tersebut akan menjadi sekadar ramalan sekiranya semua pihak bersatu berganding bahu memutuskan rangkaian jangkitan Covid-19.

Mengenai ujian saringan yang dilakukan oleh KKM, Dr Noor Hisham berkata, Malaysia berada pada kedudukan sama dengan tanda aras WHO.

"Sebelum ini, WHO mengeluarkan laporan bahawa bagi setiap 10 ujian yang dijalankan, ada satu kes positif baharu mencapai tanda aras ditetapkan.

"Ujian yang telah dilakukan KKM adalah sebanyak 43,462 dan kes positif sebanyak 3,116 atau 7.2 peratus iaitu kira-kira 10 peratus. Ini bermakna (kedudukan) kita sama dengan tanda aras WHO," katanya.

## Empat zon bagi klasifikasi kawasan kes Covid-19

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan empat zon bagi mengklasifikasikan kawasan koronavirus (Covid-19) berdasarkan jumlah kes jangkitan wabak itu di sesebuah kawasan.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam jawapan bagi soalan lazim (FAQ) mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 2 (PKP 2) memaklumkan, zon merah mempunyai lebih daripada 40 kes positif virus berkenaan manakala kawasan yang mempunyai 21 hingga 40 kes positif dirujuk sebagai zon jingga.

Zon kuning pula merujuk kepada

kawasan yang mempunyai satu hingga 20 kes positif, manakala zon hijau adalah kawasan yang tiada kes positif.

"Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan di kawasan atau lokaliti tertentu dalam zon merah atas nasihat KKM apabila berlaku penularan mendadak dalam lokaliti berkenaan," menurut MKN.

MKN turut memaklumkan sepanjang PKP 2 bermula kelmarin hingga 14 April ini, hanya 10 sektor kritikal yang dibenarkan beroperasi.

Antaranya makanan, air, tenaga, komunikasi dan Internet serta keselamatan dan pertahanan. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

KKM berdepan masalah logistik untuk hantar PPE

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdepan masalah logistik bagi penghantaran peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan topeng muka di fasiliti kesihatan terutama di Sabah dan Sarawak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, masalah tersebut menyebabkan sesengah hospital tidak mempunyai bekalan PPE dan topeng muka mencukupi.



DR NOOR HISHAM

"Ya, pada mulanya memang kita mempunyai kekurangan PPE dan topeng muka namun masalah itu telah dapat diatasi.

"Masalah sekarang ialah penghantaran ke hospital yang kekurangan bekalan itu dan KKM sedang berusaha mengatasinya.

"Insya-ALLAH kita akan selesaikan minggu ini," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai keputusan penggunaan kit ujian pengesanan antigen dari Korea Selatan yang dilaksanakan kelmarin, beliau berkata, ketepatannya hanya pada tahap 56.6 peratus.

"Setiap kit ujian perlu mencapai keputusan antara 75 hingga 80 peratus bagi membolehkan penggunaannya.

"Jadi kita tunggu untuk menggunakan *fluorescent reader*. Apabila ketepatannya mencecah 75 hingga 80 peratus, baru kita gunakan," katanya.

## Lima kematian baharu

Tiga kematian di Johor manakala dua lagi di Sarawak dan Negeri Sembilan

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

**L**ima lagi kematian membabitkan kes koronavirus (Covid-19) dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiga kes kematian terbaru melibatkan Johor iaitu masing-masing di Hospital Sultanah Aminah, Hospital Pakar Sultanah Fatimah dan Hospital Enchee' Besar Hajjah Khalsom.

"Dua lagi kematian di Hospital Umum Sarawak dan Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan.

"Jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 adalah sebanyak 50 kes iaitu 1.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, menurutnya, angka pesakit pulih daripada Covid-19 dan dibenarkan pulang dilaporkan semakin meningkat.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 122 kes pulih dan

### KES KEMATIAN BAHARU COVID-19 DI MALAYSIA

Kes ke	Kematian ke	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar belakang
2909	46	Lelaki	37	Hospital Sultanah Aminah, Johor	Mempunyai penyakit kronik dan rendah imuniti.
2910	47	Lelaki	78	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor	Mempunyai penyakit darah tinggi dan gout.
2572	48	Lelaki	85	Hospital Enchee' Besar Hajjah Khalsom, Johor	Mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung.
1273	49	Lelaki	61	Hospital Umum Sarawak	Kontak rapat kepada kes ka-2107.
1767	50	Lelaki	69	Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan	—

Lima lagi kematian akibat Covid-19 yang dicatatkan di Malaysia setakat semalam.

dibenarkan pulang hari ini (semalam) menjadikan kumulatif kes pulih meningkat sehingga 767 kes. Peningkatan kes pulih itu dikesan bermula 27 Mac lalu dengan 44 kes.

"Sehari kemudian melonjak 61 kes dan pada hari berikutnya pertambahan 68 kes dibenarkan discaj.

"Pada 30 Mac, kes pulih direkodkan sebanyak 91 kes dan menurun ke 58 kes pulih pada 31 Mac manakala 1 April, kes pulih kembali melonjak kepada 108 kes," katanya.

Beliau berkata, peratusan kes pulih dan telah discaj ialah 24.6 peratus daripada keseluruhan kes positif.

Sementara itu, katanya, setakat jam 12 tengah hari semalam, terdapat 208 kes baharu yang dilaporkan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 adalah sebanyak 3,116 kes.

"Daripada kes baharu positif, seramai 105 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah tersebut, 54 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : LOKAL

# DILEMA ANJUR BAZAR RAMADAN

*Wabak punca aktiviti orang ramai berkumpul tidak sesuai diadakan*



Oleh Amir Abd Hamid  
 am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**T**arikh 1 Ramadan menandakan bermulanya puasa yang jatuh pada tarikh 24 April ini.

Selain umat Islam mula menunaikan rukun Islam, ketibaannya dinantikan penduduk Malaysia tanpa mengira bangsa serta agama susulan tarikan bazar Ramadan diadakan di seluruh negara.

Namun wabak pandemik virus Covid-19 melanda negara menyebabkan sebarang aktiviti orang ramai berkumpul disifatkan tidak sesuai diadakan.

Negeri Sembilan menjadi negeri pertama membuat keputusan melarang penganjuran bazar Ramadan apabila Menteri Besarnya Datuk Seri Aminuddin Harun mengumumkan perkara itu pada 26 Mac lalu.

Kerajaan Terengganu turut mengambil keputusan membatalkan penganjuran bazar Ramadan tahun ini dan alternatifnya digantikan dengan bazar secara dalam talian selepas diumumkan pada 30 Mac lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Penjaja negeri Terengganu Mohd Nurkhuzaini Abd Rahman menyifatkan ia langkah terbaik dalam memastikan keselamatan rakyat negeri itu.

Ia diikuti pengumuman 1 April lalu oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Mahathir bahawa kerajaan negeri membatalkan operasi bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri di seluruh negeri itu bagi mengekang penularan Covid-19.

Pada hari sama di Selangor, Menteri Besarnya Datuk Seri Amirudin Shari turut mengambil langkah sama membatalkan penganjuran bazar Ramadan selepas perkara itu dibincangkannya secara dalam talian dengan yang dipertua pihak berkuasa tempatan seluruh negeri itu.

Beliau berkata keputusan itu dibuat berdasarkan situasi semasa wabak di negeri berkenaan namun sekiranya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membenarkan bazar Ramadan dianjurkan, pihaknya akan mengguna pakai saranan itu.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar semalam menitahkan supaya rakyat melupakan dulu bazar Ramadan disebabkan risiko berlakunya kontak rapat adalah amat besar.

Baginda meluahkan kebimbangan sekiranya berlaku penularan virus berkenaan secara berleluasa akan turut memberi kesan kepada usaha kerajaan dalam membasmi sepenuhnya wabak itu.

Dalam kenyataan berasingan, Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar

Musa pula berkata beliau selaku menteri bertanggungjawab memberikan masa sehingga hari ini kepada pihak berkuasa iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan untuk mengemukakan cadangan terlebih dulu.

Katanya, belum ada sebarang keputusan mengenai penganjuran bazar Ramadan di Wilayah Persekutuan tahun ini seperti yang ditimbulkan sesetengah pihak.

Ketua Menteri Melaka Datuk Sulaiman Md Ali pula menyatakan belum memutuskan sama ada penganjuran bazar Ramadan di negeri itu diteruskan atau sebaliknya.

Bagi kerajaan negeri Pahang pula, setakat ini belum ada keputusan rasmi bagi seluruh negeri namun Majlis Daerah Pekan (MDP) lebih awal bertindak apabila Yang Dipertuanya Datuk Rose Shamsul Abdul Razak pada 31 Mac lalu memutuskan dua bazar Ramadan utama di daerah itu tidak akan diadakan.

Katanya, walaupun terlalu

berat untuk diterima keputusan itu namun pihaknya terpaksa berbuat demikian demi keselamatan dan kesihatan masyarakat setempat.

Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob pada 29 Mac lalu pula membayangkan kemungkinan tiada bazar Ramadan di negeri itu tahun ini.

Mengulas mengenai sama ada perlu bazar Ramadan diadakan tahun ini, KKM mengalu-alukan idea dan inovasi daripada orang ramai, untuk dipertimbangkan.

"Masa inilah kita menggunakan idea yang inovatif, sebagai contoh e-bazar Ramadan, online bazar Ramadan atau bazar Ramadan pandu lalu. Kita alu-alukan idea baharu kerana hendak mengelakkan perhimpunan orang ramai," kata Ketua Pengarah Kesihatan KKM Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Pemerhatian Harian Metro mendapati belum ada kenyataan atau keputusan dari Sabah, Sarawak, Perak dan Pulau Pinang berhubung pembatalan bazar Ramadan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : LOKAL



KKM akan menambah 200,000 unit kit ujian pengesanan antigen dari Korea Selatan jika ia terbukti berkesan.

**Putrajaya:** Hasil ujian terhadap kit pengesanan pantas antigen dari Korea Selatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati kadar ketepatan alat itu hanya 56.6 peratus bagi Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setiap kit ujian perlu mencapai keputusan antara 75 hingga 80 peratus baru ia boleh digunakan.

Menurutnya, syarikat membekalkan kit pengesanan pantas antigen kepada KKM adalah dua dari China

## Kit ujian dari Korea Selatan catat 56.6 peratus ketepatan

dan satu syarikat dari Korea Selatan

"Jadi kita tunggu untuk menggunakan *fluorescent reader*, bila (ia mencapai) ketepatannya mencecah 75 hingga 80 peratus baru kita gunakan," katanya.

Beliau berkata

demikian pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya di sini, semalam.

Pada 28 Mac lalu, Dr Noor Hisham dilaporkan

berkata, KKM sudah menerima kit ujian pengesanan antigen dari Korea Se-

latan bagi mengesahkan jangkitan Covid-19 setiap penghidap.


Beliau dilaporkan berkata jumlah kit ujian pengesanan antigen itu akan ditambah 200,000 unit lagi jika terbukti berkesan dengan setiap unit kit itu yang bernilai antara AS\$5 hingga AS\$6 (antara RM21.64 hingga RM25.97).

**KKM mahu kit ujian capai keputusan 75 hingga 80 peratus untuk digunakan**

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LOKAL



**PADEMIK  
COVID-19**

Oleh Amir Abd Hamid  
dan Suraya Roslan  
am@hmetro.com.my

#### Putrajaya

**L**ima kes kematian dilaporkan di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian berkaitan Covid-19 meningkat kepada 50 kes atau 1.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, hari ini (semalam) juga terdapat 122 kes yang pulih dan dibenarkan discaj.

Perkembangan itu katanya, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan discaj daripada wad adalah 767 kes atau 24.6 pe-

## 208 kes baharu

Lima kematian, 122 kes pulih setakat semalam

ratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Hari ini sehingga 12 tengah hari, terdapat 208 kes baharu dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 3,116 kes.

"Sehingga kini, seramai 105 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 54 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian Covid-19 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Putrajaya, semalam.

Bagi kes kematian, ini penjelasan beliau:

- Kes kematian ke-46 (kes ke-2,909), lelaki warganegara Malaysia berumur 37 tahun. Mempunyai latar belakang penyakit kronik dan rendah imuniti. Dirawat di Hospital Sultanah Aminah, Johor pada 28 Mac dan disahkan meninggal dunia 31 Mac jam 11.10 malam.

- Kes kematian ke-47 (kes ke-2,910), lelaki warganegara Malaysia berumur 78 ta-

hun. Mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan gout. Dirawat di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor pada 17 Mac dan disahkan meninggal dunia 29 Mac jam 7.10 malam.

- Kes kematian ke-48 (kes ke-2,572), lelaki warganegara Malaysia berumur 85 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung. Dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 29 Mac dan disahkan meninggal dunia 2 April jam 8.01 pagi.

- Kes kematian ke-49 (kes ke-1,273), lelaki warganegara Malaysia berumur 61 ta-

hun. Mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif Covid-19 (kes ke-2,107). Dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 20 Mac dan disahkan meninggal dunia 1 April jam 8.36 malam.

- Kes kematian ke-50 (kes ke-1,767), lelaki warganegara Malaysia berumur 69 tahun. Dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan pada 22 Mac dan disahkan meninggal dunia 2 April jam 2.20 petang.



**“**  
Jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan discaj daripada wad adalah 767 kes  
**”**  
Dr Noor Hisham

## Mental positif elak gangguan emosi

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) prihatin dengan keadaan semasa berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mungkin boleh mengakibatkan orang ramai mengalami pelbagai emosi seperti kesusahan, panik, sedih dan murung.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, justeru masyarakat diseru menjaga kesihatan minda dengan mengambil beberapa langkah seperti elakkan bersendirian dan kongsi perasaan dengan seseorang yang dipercayai.

Selain itu, katanya, saling memberi kata-kata positif kepada diri sendiri, ahli keluarga dan rakan juga boleh mengelakkan gangguan emosi.

"Elok juga berhubung dan berinteraksi dengan orang tersayang dan rakan rapat menggunakan pelbagai medium komunikasi yang terdapat hari ini.

"Langkah lain iaitu beribadat mengikut kepercayaan masing-masing, amalkan teknik relaksasi, lakukan aktiviti fizikal di rumah dan makan secara sihat.

"Orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan sokongan psikososial dengan menghubungi talian 011-63996482 / 011-63994236 / 03-29359935. Waktu operasi adalah dari jam 8 pagi sehingga 5 petang setiap hari," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media harian Covid-19 di KKM Putrajaya, semalam.

Menurutnya, orang awam juga boleh menghubungi talian Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kejadian Covid-19 di Malaysia.

"Maklumat juga boleh diakses melalui saluran telegram CPRC KKM; <https://t.me/cprckkan>," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# WHO jangka pesakit kritikal meningkat minggu depan

Jangkaan pertumbuhan selari unjuran KKM: Dr Noor Hisham

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjangkakan jumlah kes COVID-19 di Malaysia mencapai kemuncak dengan jumlah tertinggi pesakit di hospital pada pertengahan bulan ini.

Ketua Misi merangkap Wakil WHO ke Malaysia, Brunei dan Singapura, Ying-Ru Lo, berkata jumlah pesakit kritikal di negara ini pula dijangka meningkat pada minggu depan.

"Malaysia mempunyai jumlah jangkitan COVID-19 tertinggi di Asia Tenggara dengan 2,908 kes disahkan (jumlah kes kelmarin), dan sudah mengeluarkan larangan perjalanan bagi membendung penularan COVID-19 ini.

"Berdasarkan data yang ada, Pejabat WHO Negara mengunjurkan kes dimasukkan ke hospital di Malaysia akan memuncak pada pertengahan bulan ini," katanya dalam jawapan e-mel kepada Reuters, semalam.

Katanya, jumlah pesakit kritikal pula dijangka memuncak menjelang minggu depan, namun ramalan WHO itu mungkin berubah.

"Wujud tanda lengkungan kadar kes akan mendatar, tetapi ia mungkin melonjak kembali jika langkah pencegahan sedia ada dilonggarkan atau orang ramai tidak lagi mematuhi arahan perlindungan," katanya.

Beliau berkata, data mengenai jangkitan baharu setakat ini dan langkah pemantauan tambahan tidak menunjukkan penyebaran meluas wabak dalam kalangan penduduk negara ini.

Mengulas jangkitan WHO itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pada sidang media hariannya di Putrajaya semalam, berkata jangkitan itu selari dengan unjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ini, lebih-lebih lagi selepas pihaknya mengesan kes jangkitan import.

"Kes jangkitan import dikesan apabila rakyat kita kembali dari luar negara. Itu sebabnya, kita melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dengan pelaksanaan PKP, kita boleh terus mengesan dengan aktif terutama di kawasan titik panas, mengesan pesakit lebih awal, mengasing dan merawat mereka.

"Jangkaan kami, mungkin dalam tempoh dua minggu penting ini, jika semua bersama-sama memainkan peranan dengan duduk di rumah, mengamalkan penjarakan sosial, membasuh tangan, dalam tempoh ini kita boleh melandai lengkok (flatten the curve)," katanya.

Katanya, walaupun ada tanda

awal pemulihan jangkitan COVID-19 di Malaysia seperti disebutnya kelmarin, masih awal untuk membuat kesimpulan mengenai keberkesanan PKP dan tempoh dua minggu fasa kedua PKP adalah waktu genting untuk menilai keberkesanan.

"Kita akan menilai semula keberkesanan pada hari ke-10 sama ada PKP perlu disambung atau sebaliknya. Beberapa hari sebelum tamat PKP kedua, kita akan lihat keberkesanan. Walaupun semalam (kelmarin) saya katakan ada petanda awal menunjukkan prestasi baik, jangkaan itu terlalu awal untuk buat sebarang kesimpulan," katanya.

Beliau menegaskan, apa yang penting dalam tempoh dua minggu pelaksanaan PKP fasa kedua adalah untuk melandaikan graf kes positif wabak berkenaan.

"Alasan utama untuk kita melandaikan graf bukan kerana kita jangka sifar peratus kes COVID-19 dalam negara, tetapi untuk membolehkan hospital kita dapat menerima pesakit jika kes naik mendadak.

"Jika kita lihat pesakit di Unit Rawatan Rapi juga meningkat, jadi kita perlu memastikan kapasiti hospital mampu menampung jumlah pesakit untuk menyediakan perkhidmatan terbaik bagi pesakit," katanya.

Beliau turut mengulangi bahu-bahu tempoh dua minggu terakhir PKP yang berakhir 14 April ini adalah penting memecahkan rangkaian jangkitan COVID-19.

Hasil PKP katanya, amat bergantung kepada disiplin rakyat dalam mematuhi perintah ditetapkan.

Ditanya sama ada saringan mengesan COVID-19 yang dilakukan KKM ketika ini mencukupi, Dr Noor Hisham berkata, ketika ini Malaysia berada pada kadar 7.2 peratus, iaitu kira-kira 10 peratus pada tanda aras ditetapkan WHO.

"Sebelum ini, WHO mengeluarkan laporan, bagi setiap 10 ujian dijalankan dan ada satu kes positif baharu, ia mencapai tanda aras ditetapkan. Jika kita laksanakan ujian dan banyak kes positif, ia bermakna masih banyak kes dalam komuniti.

"Kalau tengok ujian kita sebanyak 43,462 dan kes positif adalah sebanyak 3,116 atau 7.2 peratus, bermakna kita sama dengan tanda aras WHO," katanya.

Katanya, sebanyak 43 makmal, termasuk milik KKM, Makmal Kesihatan Awam (MKA), swasta dan institut pengajian tinggi (IPT) awam serta swasta seluruh negara juga dipertingkatkan dengan kapasiti membuat ujian masa sebenar menggunakan teknik 'Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)' bagi mengesan COVID-19.

"Di KKM, kita mula dengan 12 hospital dengan pertambahan dua hospital lagi, iaitu Hospital Sibul di Sarawak dan Hospital Queen Elizabeth di Sabah. Selain itu, lima MKA dan Institut Penyelidi-



**Wujud tanda lengkungan kadar kes akan mendatar, tetapi ia mungkin melonjak kembali jika langkah pencegahan sedia ada dilonggarkan atau orang ramai tidak lagi mematuhi arahan perlindungan.**

*Ying-Ru Lo, Ketua Misi merangkap Wakil WHO ke Malaysia, Brunei dan Singapura*

kan Perubatan (IMR) turut mengadakan latihan untuk 14 makmal milik universiti awam atau swasta.

"Bagi makmal milik swasta, ada tujuh yang boleh melakukan ujian berkenaan, selain satu makmal milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Bagaimanapun, kita akui makmal baharu ini masih belum mencapai keupayaan sebenarnya dan diharap dapat mempertingkatkan kapasiti ujian mereka," katanya.

Katanya, KKM berharap dengan adanya 43 makmal dan lima lagi makmal di IPTA, akan dapat menampung keperluan ujian sehingga 16,500 sehari.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

# Kadar kematian masih rendah

**Putrajaya:** Kadar kematian pesakit COVID-19 di negara ini masih rendah jika dibandingkan dengan kadar kematian global.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata negara mencatatkan kematian pesakit COVID-19 pada kadar 1.6 peratus berbanding 4.5 peratus pada peringkat global.

"Kadar itu berdasarkan maklumat awal jawatankuasa khas mengenai kematian akibat COVID-19.

"Aliran menunjukkan mereka yang meninggal dunia akibat penyakit ini kerana masalah komplikasi penyakit lain seperti kencing manis, darah tinggi dan sistem imunisasi yang rendah, membabitkan 67 peratus.

"Faktor kedua membabitkan pesakit yang berusia, manakala ketiga kes yang lambat dirujuk kepada kita walaupun usianya masih muda," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, dalam kes pertama, pesakit berusia 34 tahun dan kes pesakit berusia 27 tahun, mereka dirujuk selepas berada di fasa keempat serta kelima.

"Ini memerlukan bantuan pernafasan yang menyebabkan mereka tidak dapat diselamatkan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) berdepan masalah mengagihkan peralatan perlindungan peribadi (PPE) ke hospital dan klinik memerlukan.

"Pada mulanya kita memang kekurangan, tetapi masalah itu sudah selesai. Masalah sekarang adalah penghantaran ke hospital dan klinik memerlukan.

"Kita berusaha memastikan masalah ini dapat diatasi, terutama untuk menghantar bekalan PPE, khususnya di Sabah dan Sarawak," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya menerima sumbangan le-



**Dr Noor Hisham pada sidang media di Putrajaya, semalam.**

bih 50,000 topeng muka dan PPE, selain setengah juta topeng muka dari China.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Noor Hisham berkata, setakat ini, keputusan penggunaan kit ujian pengesanan antigen dari Korea Selatan yang dilaksanakan kelmarin mendapati ketepatannya ha-

nya 56.6 peratus.

Beliau berkata, setiap kit ujian perlu mencapai keputusan antara 75 hingga 80 peratus untuk membolehkan ia digunakan.

"Jadi kita tunggu untuk menggunakan *fluorescent reader*, bila ketepatannya mencecah 75 hingga 80 peratus, baru kita gunakan," katanya.